

Dasar Luar Malaysia dan SEATO Era Perang Dingin, 1957-1977

Malaysia's Foreign Policy and the Southeast Asia Treaty Organization (SEATO) during the Cold War Era, 1957–1977

Dayang Tania binti Abg Hipni, Ahmad Zainudin bin Husin*

Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

*Penulis Koresponden: zainuddin.husin@fsk.upsi.edu.my

SEJARAH ARTIKEL

Diterima: 07 Julai 2025

Disemak semula: 02 Februari 2026

Diterima: 24 Februari 2026

Diterbitkan: 23 April 2026

Kata Kunci

Dasar luar Malaysia

SEATO

Perang Dingin

Kerjasama keselamatan

Strategi geopolitik

Asia Tenggara

ABSTRAK - Kajian ini bertujuan meneliti hubungan Malaysia dengan Pertubuhan Perjanjian Asia Tenggara (SEATO) dari tahun 1957 hingga 1976 dalam konteks geopolitik serantau era Perang Dingin. Secara khusus, kajian ini meneliti faktor geopolitik serantau yang mendorong penubuhan SEATO, pendirian diplomatik Malaysia serta strategi negara dalam mengimbangi dasar luar berkecuali dengan keperluan kerjasama keselamatan tidak langsung. Walaupun Malaysia tidak menjadi ahli rasmi SEATO, kajian ini menunjukkan bahawa negara tetap memainkan peranan penting dalam strategi ketenteraan dan keselamatan melalui perjanjian pertahanan bilateral bersama United Kingdom, Australia dan New Zealand. Pendekatan metodologi kajian ini ialah analisis sejarah berdasarkan sumber primer seperti dokumen rasmi kerajaan British, laporan SEATO, dan surat-menyurat diplomatik, serta disokong oleh sumber sekunder ilmiah. Dapatan utama menunjukkan bahawa Malaysia mengamalkan pendekatan neutralisme terhad, yang membolehkannya menyumbang secara tidak langsung kepada usaha membendung pengaruh komunisme di Asia Tenggara melalui kerjasama latihan ketenteraan, risikan dan penyediaan infrastruktur strategik demi membendung perluasan pengaruh komunisme di Asia Tenggara. Walaupun tidak menyertai SEATO secara rasmi, kehadiran pasukan Komanwel dan pelaksanaan latihan bersama menjadikan Malaysia elemen penting dalam jaringan pertahanan serantau. Kajian ini menyimpulkan bahawa Malaysia berjaya mengekalkan kedaulatan dasar luar berkecuali sambil memenuhi keperluan keselamatan nasional. Implikasi kajian ini memperlihatkan kebijaksanaan diplomatik Malaysia dalam menyeimbangkan keperluan domestik, cabaran geopolitik dan hubungan antarabangsa, serta menyumbang kepada pemahaman lebih mendalam tentang dasar luar Malaysia dalam kerangka Perang Dingin.

ABSTRACT - This study aims to examine Malaysia's relationship with the Southeast Asia Treaty Organization (SEATO) from 1957 to 1976 within the regional geopolitical context of the Cold War era. Specifically,

this study examines the regional geopolitical factors that led to the establishment of SEATO, Malaysia's diplomatic posture, and the strategies adopted by the state to balance its policy of non-alignment with the need for indirect security cooperation. Although Malaysia was not an official member of SEATO, the study demonstrates that the nation played a significant role in regional military and security strategies through bilateral defense agreements with the United Kingdom, Australia, and New Zealand. The research adopts a historical methodology, utilizing primary sources such as official British government documents, SEATO reports, and diplomatic correspondences, supplemented by scholarly secondary sources. The primary findings indicate that Malaysia practiced a "limited neutrality" approach, which enabled indirect contributions to anti-communist efforts in Southeast Asia through military training cooperation, intelligence sharing, and the provision of strategic infrastructure to contain communist expansion. Despite not formally joining SEATO, the presence of Commonwealth forces and the conduct of joint exercises established Malaysia as a vital element within the regional defense network. The study concludes that Malaysia successfully maintained its sovereign non-aligned foreign policy while fulfilling national security requirements. The implications of this research highlight Malaysia's diplomatic prudence in balancing domestic needs, geopolitical challenges, and international relations, while contributing to a deeper understanding of Malaysian foreign policy within the Cold War framework.

PENDAHULUAN

Selepas mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, Malaysia mula merangka dasar luarnya sesuai dengan perkembangan antarabangsa yang dibayangi Perang Dingin. Suasana persekitaran geopolitik yang dibayangi oleh percaturan kuasa antara blok non Komunis dengan blok Komunis, menyebabkan Malaysia menjadi perhatian kuasa besar dari kedua-dua blok yang bersaing. Penubuhan Pertubuhan Perjanjian Asia Tenggara atau *Southeast Asia Treaty Organization* (SEATO) pada tahun 1954 merupakan usaha blok non Komunis yang diketuai Amerika Syarikat untuk menyekat perluasan pengaruh Komunis di rantau ini, khususnya berikutan konflik berdarah di Indochina (Central Office of Information, 1959).

Walaupun Malaysia tidak menyertai SEATO, tetapi kedudukannya di dalam lingkungan kawalan pertubuhan tersebut menyebabkannya turut mempunyai hubungan tidak langsung dengan pertubuhan tersebut khususnya berikutan perjanjian pertahanan yang dimeteri dengan British iaitu *The Anglo-Malayan Defence Agreement* (AMDA). Keterlibatan British dalam pertahanan Malaysia menyebabkan segala perancangan berkait pertahanan turut mengambilkira perancangan SEATO di Rantau ini. Tambahan pula British merupakan salah sebuah negara yang menganggotai pertubuhan tersebut. Tidak hairanlah terdapat pelbagai bukti menunjukkan wujudnya keterlibatan tidak langsung yang bersifat strategik dan diplomatik. Misalnya, melalui Perjanjian Pertahanan Malaysia-British yang ditandatangani pada tahun 1957, United Kingdom memperoleh hak untuk mengekalkan kehadiran tenteranya di Malaysia dan menggunakan kemudahan tersebut untuk memenuhi komitmennya dalam SEATO serta melalui pakatan Australia, New Zealand dan Malaysia (ANZAM) (Commonwealth Relations Office, 1957, MAL.100/1). Tunku Abdul Rahman iaitu selaku Perdana Menteri ketika itu menyatakan komitmennya terhadap kerjasama keselamatan dengan kuasa Barat sambil mengekalkan prinsip berkecuali dalam perikatan ketenteraan formal (Commonwealth Relations Office, 1959).

Kecenderungan British untuk melibatkan Malaysia dalam SEATO telah dibincangkan oleh United Kingdom, Australia dan New Zealand. Namun, sensitiviti politik domestik, khususnya dalam kalangan pemimpin muda *United Malays National Organisation* (UMNO) yang cenderung kepada

pendekatan berkecuali, menjadi pertimbangan utama yang membantutkan usaha tersebut (Tory, 1957). Tambahan pula, Tunku Abdul Rahman mengamalkan dasar luar yang pragmatik dengan cuba mengimbangi keperluan keselamatan negara dan diplomasi serantau. Dalam konteks hubungan dengan India dan Indonesia, pendekatan ini dipengaruhi oleh ancaman keselamatan serantau, anti-komunisme, serta bahasa politik dekolonisasi Afro-Asia yang turut merangkumi unsur *non-alignment* dan kedaulatan negara (Mohamed Yazid, 2025; Mohd Hed, 2023).

Ketika memuncaknya konflik di Vietnam pada tahun 1960-an, Malaysia turut terlibat secara tidak langsung melalui kerjasama perisikan dan pertukaran maklumat dengan negara-negara sekutu, selain membenarkan penggunaan beberapa fasiliti ketenteraannya untuk tujuan latihan, mobilisasi dan sokongan logistik kepada pasukan Komanwel yang terlibat dalam perancangan pertahanan serantau yang berkait rapat dengan strategi SEATO (National Archives of Australia, 1962). Tindakan Malaysia tersebut adalah bersifat realpolitik setelah menyedari bahawa ancaman subversif komunis memerlukan sokongan ketenteraan luar walaupun tidak menyertai mana-mana pakatan ketenteraan secara langsung. Oleh itu, hubungan Malaysia dengan SEATO dari tahun 1957 hingga 1976 mencerminkan satu bentuk keterlibatan fleksibel yang menggabungkan keperluan keselamatan domestik, strategi diplomatik serantau, dan tekanan antarabangsa. Meskipun tidak berada dalam struktur rasmi SEATO, Malaysia secara konsisten mendukung usaha kolektif untuk mengekang pengaruh Komunis di Asia Tenggara.

ISU, OBJEKTIF DAN METODOLOGI

Selepas mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Malaysia berdepan cabaran strategik dalam membentuk dasar luar negara yang bebas di samping menjamin keselamatan domestik dan serantau. Asia Tenggara ketika itu menjadi medan utama percaturan antara kuasa besar dunia dalam Perang Dingin, khususnya antara blok Barat dan Komunis. Penubuhan SEATO pada tahun 1954 sebagai tindak balas terhadap peningkatan pengaruh Komunis di Indo-China, secara langsung menjejaskan landskap keselamatan serantau (SEATO, 1959).

Meskipun Malaysia memilih untuk tidak menyertai SEATO secara rasmi, hubungan strategik yang wujud melalui Perjanjian Pertahanan 1957 bersama United Kingdom menunjukkan hubungan tidak langsung Malaysia dalam pakatan tersebut (Commonwealth Relations Office, 1957). Kedudukan ini menimbulkan persoalan dalam kalangan negara jiran dan ahli politik domestik, khususnya dalam konteks tuntutan dasar luar berkecuali yang digariskan oleh kepimpinan Tunku Abdul Rahman (Tory, 1957). Keadaan ini menjadi lebih jelas apabila pangkalan tentera di Malaysia digunakan oleh pasukan Komanwel bagi latihan ketenteraan dan sokongan logistik dalam perancangan pertahanan serantau yang berkait rapat dengan operasi SEATO (National Archives of Australia, 1962). Pertembungan antara matlamat keselamatan dan tekanan politik serantau menyebabkan Malaysia mengambil pendekatan menolak keahlian formal dalam SEATO, namun membenarkan kerjasama taktikal dalam kerangka pertahanan serantau (Ghoshal, 2020). Hal ini turut disuarakan dalam nota diplomatik antara pegawai tinggi British dan pesuruhjaya tinggi di Kuala Lumpur, yang menunjukkan keprihatinan terhadap kebangkitan sentimen berkecuali dalam kalangan ahli politik muda Parti Perikatan (Commonwealth Relations Office, 1957, MAL 29/5).

Kajian ini merangkumi empat objektif utama yang saling berkait dalam memahami dinamika hubungan dasar luar Malaysia dalam kerangka Perang Dingin. Pertama, kajian ini bertujuan untuk menganalisis faktor geopolitik Asia Tenggara yang mendorong penubuhan SEATO dan kaitannya dengan dasar keselamatan awal Malaysia. Kedua, menganalisis pendirian diplomatik dan kerjasama pertahanan Malaysia dengan anggota SEATO melalui Perjanjian Pertahanan 1957 dalam konteks keselamatan serantau. Ketiga, menganalisis dasar berkecuali Malaysia dalam menghadapi tekanan perang dingin, konflik Vietnam dan cabaran politik dalaman. Keempat, menganalisis pengaruh SEATO terhadap dasar pertahanan dan evolusi dasar luar Malaysia hingga pembubaran pertubuhan ini.

Dalam menelusuri permasalahan ini secara menyeluruh, pendekatan sejarah digunakan sebagai kaedah penyelidikan. Kaedah ini memberi tumpuan kepada penelusuran dokumen rasmi kerajaan British dan Malaysia, termasuk surat-menyurat sulit, minit mesyuarat, dan kenyataan rasmi

pemimpin yang mencerminkan dinamika sebenar hubungan strategik antara Malaysia dan SEATO. Antara dokumen utama yang dianalisis termasuk *National Archives of Australia* korespondensi dari *Commonwealth Relations Office* (1957, 1959), dan rekod sidang SEATO (1955–1959). Sumber sekunder turut dirujuk seperti karya Ghoshal (2020) yang meneliti semula konteks penyertaan tidak rasmi Malaysia dalam kerangka SEATO melalui pendekatan sejarah pasca-Perang Dingin. Kaedah analisis yang digunakan ialah gabungan pendekatan kronologikal dan tematik, dengan penekanan kepada fasa-fasa penting seperti penubuhan perjanjian pertahanan (1957), pengukuhan latihan bersama SEATO (1959), dan perubahan dinamika serantau menjelang berakhirnya Perang Vietnam (1975). Keseluruhan kerangka analisis ini bertujuan mengungkap peranan Malaysia sebagai aktor strategik dalam sistem keselamatan serantau yang dipengaruhi oleh dinamika geopolitik antarabangsa, meskipun secara rasmi berdiri sebagai negara bukan ahli SEATO.

ASAS GEOPOLITIK DAN PENUBUHAN SEATO (1954-1959)

Latar Belakang Penubuhan SEATO

Penubuhan SEATO pada tahun 1954 merupakan salah satu langkah penting dalam percaturan geopolitik era Perang Dingin, khususnya di rantau Asia Tenggara yang berdepan dengan ancaman perluasan pengaruh Komunis. SEATO ditubuhkan menerusi Perjanjian Manila, dan dianggotai oleh lapan buah negara, termasuk empat negara Komanwel: United Kingdom, Australia, New Zealand dan Pakistan, serta Amerika Syarikat, Perancis, Thailand dan Filipina (Central Office of Information, 1959). Penubuhan organisasi ini dilihat sebagai reaksi terhadap ketidaktentuan politik dan ancaman ketenteraan yang timbul daripada konflik di Indo-China, khususnya perang yang melibatkan Viet Minh dan Perancis.

Malaysia yang mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, tidak termasuk sebagai ahli SEATO. Namun, kedudukan geografinya yang strategik di tengah-tengah laluan maritim Asia Tenggara dan hubungannya yang erat dengan negara-negara anggota menjadikan Malaysia tetap terlibat secara tidak langsung dalam aktiviti serta perancangan pertahanan yang berkaitan dengan organisasi ini. Perbincangan-perbincangan awal antara pegawai tinggi British, Australia dan New Zealand menunjukkan bahawa meskipun Malaysia tidak menjadi anggota rasmi, kehadiran dan kedudukan pasukan Komanwel di Malaysia telah menjadi sebahagian daripada strategi ketenteraan serantau untuk membendung pengaruh Komunis (Commonwealth Relations Office, 1957, MAL 29/5). Kebimbangan terhadap kemungkinan penyertaan Malaysia dalam SEATO turut disuarakan secara terbuka dan tertutup oleh beberapa pemimpin tempatan. Tunku Abdul Rahman sering menekankan bahawa keputusan menyertai mana-mana pakatan ketenteraan mestilah dibuat secara bebas oleh kerajaan Malaysia selepas mencapai kemerdekaan penuh (Commonwealth Relations Office, 1957). Sikap ini dipengaruhi oleh keperluan menyeimbangkan hubungan dengan kuasa-kuasa besar serta menjaga sensitiviti politik dalaman, khususnya dalam kalangan rakyat yang mengutamakan dasar berkecuali.

Tambahan pula, dengan termeterainya Perjanjian Pertahanan antara Malaysia dan United Kingdom pada tahun 1957, yang turut mendapat sokongan Australia dan New Zealand, satu bentuk kerjasama pertahanan telah diwujudkan tanpa Malaysia perlu menyertai SEATO secara rasmi. Perjanjian ini membolehkan pasukan Komanwel terus berada di Malaysia sebagai usaha membendung ancaman Komunis di rantau tersebut, di samping mengukuhkan kestabilan politik dalaman negara yang masih muda itu (United Kingdom High Commissioner, 1957). Kedudukan Malaysia yang berada di persimpangan antara blok Barat dan dunia bukan bersekutu telah membentuk satu pendekatan yang berhati-hati dalam menangani isu-isu keselamatan serantau. Meskipun Malaysia bukan ahli SEATO secara rasmi, negara ini tetap terlibat secara tidak langsung dalam beberapa aktiviti dan rancangan pertahanan SEATO melalui kerjasama ketenteraan dua hala serta kehadiran pasukan Komanwel yang beroperasi dari pangkalan tentera di Malaysia.

Sikap dan Dasar Awal Malaysia terhadap SEATO (1957–1959)

Sejurus selepas kemerdekaan dicapai pada tahun 1957, Malaysia menunjukkan pendekatan yang pragmatik dan berkecuali terhadap penyertaan dalam mana-mana pakatan ketenteraan serantau. Tunku Abdul Rahman memilih untuk tidak terburu-buru dalam membuat keputusan menyertai SEATO. Hal ini kerana keperluan menstabilkan politik dalaman, mengukuhkan struktur pentadbiran negara,

serta sensitiviti hubungan diplomatik dengan negara-negara Asia yang bersikap neutral atau condong ke arah gerakan Negara-Negara Berkecuali (Commonwealth Relations Office, 1957).

Dalam tahun 1958, Tunku Abdul Rahman menegaskan bahawa Malaysia tidak harus terikat untuk menyertai SEATO, dan dasar luarnya pada ketika itu lebih cenderung kepada kerjasama serantau yang bukan bersifat pakatan ketenteraan anti-komunis. Beliau turut menyatakan bahawa pendekatan terbaik bagi sebuah negara kecil ialah menumpukan kepada pembangunan sosial dan ekonomi serta menjalin hubungan baik dengan negara-negara yang bersahabat. Pandangan tersebut bagaimanapun bukanlah cerminan kepada penolakan terhadap ancaman komunisme, memandangkan beliau tetap mengekalkan pendirian anti-komunis yang jelas (Jeshurun, 2008). Tunku dan kepemimpinan Malaysia amat menyedari bahaya ideologi tersebut, sebagaimana yang terbukti dengan penerusan darurat dan usaha keras memerangi saki-baki penganas Komunis. Dalam konteks ini, walaupun Malaysia tidak menjadi anggota rasmi SEATO, dasar pertahanannya tetap selari dengan matlamat SEATO iaitu mengekang penyebaran komunisme di Asia Tenggara (Central Office of Information, 1959).

Seterusnya, satu lagi faktor yang mendorong pendekatan berkecuali ialah usaha kerajaan British dan Komanwel untuk memastikan kestabilan politik di Malaysia pasca-kemerdekaan. Perjanjian Pertahanan 1957 yang dimeterai antara Malaysia dan United Kingdom, dengan sokongan Australia dan New Zealand, menjamin kehadiran pasukan Komanwel di Malaysia yang bertindak sebagai benteng awal terhadap ancaman luar, termasuk potensi ancaman dari blok Komunis (Commonwealth Relations Office, 1957, MAL 29/5). Perjanjian ini memberikan laluan kepada pelaksanaan strategi pertahanan bersama tanpa perlu Malaysia menyertai SEATO secara rasmi.

Namun begitu, tekanan secara halus tetap wujud daripada negara anggota SEATO. Beberapa siri perbincangan rahsia antara pegawai tinggi British dan wakil-wakil diplomatik negara anggota seperti Amerika Syarikat dan Australia mencadangkan agar Malaysia dipujuk menyertai SEATO sebaik sahaja kestabilan politik dalaman dicapai (Commonwealth Relations Office, 1959). Meskipun demikian, atas dasar menghormati kedaulatan Malaysia dan demi mengelakkan reaksi negatif dalam kalangan rakyat, pendekatan berhati-hati terus dikekalkan. Dalam tempoh ini juga, dasar luar Malaysia mula terbentuk atas prinsip berkecuali, yang menekankan kerjasama dengan semua pihak tanpa mengikat diri secara rasmi dengan mana-mana blok kuasa besar. Keputusan ini bukan sahaja mencerminkan keprihatinan terhadap keseimbangan kuasa serantau, malah jelas menunjukkan kematangan awal dalam hala tuju diplomatik negara yang baharu merdeka.

Perjanjian Pertahanan 1957 dan Hubungan Tidak Langsung dengan SEATO

Perjanjian Pertahanan antara Malaysia dan Kerajaan British yang dimeterai pada 12 Oktober 1957 menandakan satu langkah penting dalam penstrukturan dasar keselamatan negara pasca-kemerdekaan. Walaupun perjanjian ini tidak menyebut secara langsung tentang SEATO, ia merupakan kerangka utama yang membuka jalan kepada pelibatan Malaysia dalam strategi ketenteraan serantau yang seiring dengan objektif SEATO (Commonwealth Relations Office, 1957, MAL 29/5).

Melalui perjanjian ini, Kerajaan British diberi hak untuk menempatkan pasukan darat, laut dan udara di Malaysia dengan matlamat mempertahankan kepentingan bersama, khususnya dalam menghadapi sebarang pencerobohan atau ancaman ketenteraan dari luar. Peruntukan dalam Artikel VI dan VII memperincikan bahawa United Kingdom boleh bertindak serta-merta sekiranya berlaku serangan terhadap Malaysia atau wilayah Komanwel lain di Asia Tenggara. Bagi menyekat ancaman tidak langsung, rundingan pertahanan dengan kerajaan Malaysia tetap diperlukan (Commonwealth Relations Office, 1957, MAL 29/5). Sebelum dan selepas termeternya perjanjian AMDA, British dan sekutu Komanwel lain menganggap perjanjian tersebut sebagai satu bentuk sokongan tidak langsung terhadap operasi SEATO. Walaupun Malaysia tidak menyertai pertubuhan tersebut, kehadiran tentera Komanwel di Malaysia memperkukuh keupayaan pertahanan dalam menghadapi krisis serantau, terutamanya dalam konteks konflik di Indochina yang semakin memuncak pada awal 1960-an.

Keadaan ini dijelaskan dengan lebih nyata apabila Malaysia membenarkan penggunaan pangkalan tenteranya oleh pasukan SEATO untuk latihan ketenteraan seperti "*Exercise Air Progress*" dan "*Exercise Vayubut*", walaupun Malaysia sendiri tidak menyertainya secara langsung. Bagi mengelakkan reaksi ahli politik tempatan, kehadiran tentera asing ini dikendalikan dengan penuh

berhati-hati tanpa liputan media yang mengaitkan secara terus kepada SEATO (National Archives of Australia, 1962). Tindakan ini dilihat sebagai satu kompromi antara keperluan strategik dan kehendak politik nasional yang menolak keterikatan dengan mana-mana pakatan pertahanan secara formal. Selain itu, persefahaman strategik antara negara-negara anggota SEATO dan Malaysia diperkuatkan melalui ANZAM, yang membentuk kerjasama pertahanan tiga hala secara tersendiri. Meskipun tidak bernaung secara langsung di bawah SEATO, ANZAM membantu dalam penyelarasan pelan ketenteraan dan keselamatan, serta menjadi saluran bagi menyalurkan maklumat penting berkaitan ancaman serantau. Peranan ANZAM ini turut dijadikan asas bagi membina kepercayaan dan keserasian antara pasukan keselamatan Malaysia dan negara-negara Komanwel, sekali gus memperkukuh kesiapsiagaan dalam menghadapi ancaman komunis dari luar (Commonwealth Relations Office, 1957, MAL 29/5).

Secara keseluruhannya, perjanjian pertahanan 1957 ini berperanan sebagai jambatan penting yang menghubungkan Malaysia dengan SEATO dari segi pelaksanaan strategi dan perkongsian maklumat keselamatan serantau. Ia membolehkan Malaysia menyumbang kepada usaha mengekang pengaruh komunisme di Asia Tenggara tanpa perlu melibatkan diri secara langsung dalam struktur organisasi SEATO yang lebih formal.

Tekanan Diplomatik dan Reaksi Malaysia terhadap Cadangan Penyertaan SEATO

Pada tahun pertama kemerdekaan, Malaysia telah berhadapan dengan tekanan diplomatik yang halus namun berterusan daripada kuasa-kuasa Barat, khususnya United Kingdom, Australia dan Amerika Syarikat, agar mempertimbangkan penyertaan dalam SEATO. Meskipun negara ini tidak didesak secara terbuka namun, berdasarkan kepada rekod-rekod rasmi menunjukkan wujudnya satu usaha tersusun di peringkat diplomatik untuk menarik Malaysia ke dalam pakatan tersebut, selari dengan strategi sekutu Barat bagi membendung pengaruh komunis di rantau ini (Commonwealth Relations Office, 1957, MAL.100/1).

Keengganan Malaysia untuk menyertai SEATO bukanlah didorong oleh penolakan terhadap objektif keselamatan kolektif, sebaliknya berpunca daripada pertimbangan politik dalaman dan pendekatan berhati-hati dalam dasar luar negara. Tunku Abdul Rahman, sebagai Perdana Menteri, sering kali menegaskan bahawa sebarang keputusan berkenaan penyertaan dalam pakatan ketenteraan antarabangsa perlu dibuat secara bebas oleh kerajaan merdeka dan tidak boleh dilihat sebagai kesinambungan dasar kolonial. Beliau juga amat peka terhadap sentimen awam serta tanggapan negara-negara jiran yang condong kepada dasar berkecuali (Commonwealth Relations Office, 1957, MAL 29/5).

Tambahan pula, tekanan secara tidak langsung daripada pihak luar untuk mengaitkan kehadiran pasukan tentera Komanwel dengan SEATO turut menjadi isu sensitif. Beberapa siri dokumen sulit membuktikan bahawa kerajaan British berhati-hati dalam mempromosi SEATO kepada Malaysia kerana bimbang akan menjejaskan kesepakatan dalam menandatangani Perjanjian Pertahanan 1957. Malah, pegawai-pegawai kanan seperti G.W. Tory menasihati agar pendekatan terhadap isu SEATO ditangguhkan bagi mengelakkan persepsi bahawa Malaysia telah dipaksa untuk menyertai pakatan itu sebagai sebahagian daripada "pakej kemerdekaan" (Commonwealth Relations Office, 1957, MAL 29/5).

Sikap tidak tergesa-gesa ini turut disokong oleh beberapa pemimpin kanan UMNO yang menyedari bahawa penyertaan dalam SEATO boleh membuka ruang kepada kritikan daripada golongan muda dan cendekiawan yang cenderung kepada dasar berkecuali. Sejumlah ahli politik muda dalam parti pemerintah menolak idea penyertaan dalam SEATO kerana melihatnya sebagai bentuk penyerahan kedaulatan kepada kuasa asing (Commonwealth Relations Office, 1957, MAL 29/5). Tunku dan beberapa anggota kabinet kanan, termasuk Tun Haji Abdul Razak, Menteri Pertahanan Persekutuan Tanah Melayu (1957–1963) dan Menteri Pertahanan Malaysia (1963–1970) dan Kolonel Tun Henry Lee Hau Shik, Menteri Kewangan Persekutuan Tanah Melayu (1957–1959), pada dasarnya melihat manfaat jangka panjang yang mungkin diperoleh daripada hubungan rapat dengan negara-negara SEATO. Namun demikian, demi kestabilan politik dalam negeri dan menjaga hubungan diplomatik serantau, dasar tidak menyertai mana-mana pakatan ketenteraan secara rasmi dikekalkan sepanjang dekad pertama kemerdekaan. Ia merupakan manifestasi dasar luar Malaysia yang bebas

dan tidak berpihak, sambil tetap mengekalkan hubungan strategik dengan kuasa Barat melalui saluran lain.

HUBUNGAN DIPLOMATIK DAN KERJASAMA PERTAHANAN AWAL (1960-1963)

Kerjasama Ketenteraan melalui Perjanjian Pertahanan 1957

Penubuhan Malaysia sebagai sebuah negara merdeka pada tahun 1957 turut disusuli dengan dimeterainya satu perjanjian pertahanan penting antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan British. Perjanjian ini bukan sahaja mengekalkan kehadiran pasukan tentera Komanwel di Malaysia, bahkan turut menyediakan kerangka undang-undang serta pentadbiran bagi pelaksanaan tanggungjawab pertahanan di wilayah tersebut. Meskipun tidak mengikat Malaysia kepada SEATO secara langsung, dokumen ini jelas menyatakan peranan pasukan yang berpangkalan di Malaysia dalam pelaksanaan komitmen pertahanan kolektif di bawah payung SEATO dan melalui pakatan Australia, New Zealand dan Malaysia (ANZAM) (Commonwealth Relations Office, 1957, MAL 29/5).

Selain itu, perkara yang terdapat dalam rundingan antara wakil Malaysia dan wakil British pada 20 dan 21 Disember 1956 dan 2 Januari 1957, United Kingdom secara terbuka mengakui bahawa salah satu tujuan utama kehadiran pasukan Komanwel adalah untuk melaksanakan tanggungjawab antarabangsa mereka dalam mempertahankan keamanan di Asia Tenggara. Namun, mereka turut bersetuju dengan permintaan delegasi Malaysia agar tindakan ketenteraan bagi tujuan tersebut memerlukan rundingan terlebih dahulu dengan kerajaannya, khususnya apabila operasi melibatkan lokasi di luar sempadan Malaysia seperti Laos atau Vietnam (Commonwealth Relations Office, 1957, MAL.100/1).

Kebimbangan yang ditimbulkan oleh pihak Malaysia dalam rundingan itu berkisar kepada dua isu utama. Pertama, mereka ingin memastikan kedaulatan negara tidak terjejas sekiranya pangkalan tentera digunakan untuk tujuan yang tidak berkaitan langsung dengan keselamatan wilayah sendiri. Kedua, mereka juga bimbang bahawa keterlibatan dalam tindakan SEATO secara terbuka akan menyebabkan reaksi negatif daripada negara-negara jiran dan masyarakat antarabangsa yang mengamalkan dasar berkecuali (Commonwealth Relations Office, 1957, MAL 29/5).

Walaupun begitu, pihak British dan sekutunya tetap mengekalkan fleksibiliti untuk menggunakan kekuatan tentera mereka di bawah Perjanjian Pertahanan bagi tujuan menyokong operasi SEATO, dengan syarat perbincangan bersama diadakan terlebih dahulu. Hal ini dibuktikan melalui garis panduan rahsia yang dikeluarkan oleh *British Defence Co-ordination Committee* (Far East), yang menggariskan dasar '*minimum publicity*' mengenai sebarang penglibatan tentera Malaysia dalam aktiviti SEATO. Langkah ini dilihat sebagai usaha strategik untuk menyeimbangkan antara keperluan ketenteraan dan sensitiviti politik dalaman di Malaysia. Di sisi lain, walaupun tindakan tentera tidak dihebahkan secara terbuka, latihan-latihan dan simulasi ketenteraan dalam rangka SEATO tetap dijalankan dengan menggunakan kemudahan dan sokongan logistik dari tanah Malaysia. Contohnya, latihan seperti *Exercise Vayubut* dan *Exercise Oceanlink* yang dijalankan antara tahun 1958 hingga 1959 melibatkan penyertaan unit dari Thailand, Amerika Syarikat, dan United Kingdom serta turut menggunakan ruang udara dan laut berhampiran Malaysia sebagai kawasan operasi (SEATO Annual Report, 1958-1959).

Perjanjian ini juga memperlihatkan aspek kerjasama latihan dan pembinaan kapasiti antara anggota SEATO. Ribuan anggota tentera dari Thailand, Pakistan dan Filipina telah menerima latihan di institusi pertahanan British dan Australia. Secara tidak langsung, Malaysia telah menjadi hab penting dalam ekosistem latihan ketenteraan SEATO meskipun bukan sebagai ahli rasmi (SEATO Secretariat Report, 1959; Defence Report, 1958). Melalui pelaksanaan perjanjian ini, jelas bahawa Malaysia berada dalam posisi strategik sebagai rakan pertahanan kepada negara-negara SEATO, walaupun tidak menzahirkan komitmen secara rasmi. Langkah ini membolehkan negara memperoleh manfaat ketenteraan dan keselamatan secara tidak langsung, di samping mengekalkan pendirian tidak berpihak dalam arena diplomatik serantau.

Penglibatan Tidak Langsung Malaysia dalam Latihan dan Infrastruktur Ketenteraan SEATO

Walaupun Malaysia tidak menjadi anggota rasmi SEATO, kedudukannya yang strategik di Asia Tenggara serta kehadiran pasukan Komanwel di tanah air menjadikan negara ini sebahagian daripada rangkaian pertahanan serantau yang diwujudkan oleh kuasa-kuasa Barat. Penglibatan Malaysia dalam aktiviti SEATO berlaku secara tidak langsung, terutamanya melalui penyediaan kemudahan infrastruktur ketenteraan dan penyertaan dalam program latihan yang dianjurkan oleh anggota SEATO lain. Pendekatan ini membolehkan Malaysia mengekalkan imej sebagai negara berkecuali, namun tetap menyumbang kepada usaha kolektif membendung pengaruh komunisme di rantau ini (Commonwealth Relations Office, 1957, MAL.100/1).

Antara bentuk penglibatan tidak langsung yang paling ketara ialah ketersediaan kemudahan logistik dan pangkalan tentera di Malaysia untuk latihan ketenteraan oleh pasukan sekutu yang terlibat dalam perancangan keselamatan serantau. Pangkalan seperti Butterworth dan Singapura menjadi lokasi penting untuk latihan bersama, walaupun dalam banyak keadaan penggunaannya tidak diumumkan secara terbuka bagi mengelakkan sensitiviti politik domestik. Dokumen pertahanan menunjukkan bahawa penggunaan kemudahan ketenteraan di Malaysia oleh pasukan Komanwel bagi tujuan latihan dan sokongan logistik dijalankan secara berhati-hati serta sering kali tidak didedahkan secara meluas (National Archives of Australia, 1961).

Latihan ketenteraan seperti “*Exercise Vayubut*” (1958) dan “*Air Progress*” (1959) turut melibatkan pesawat dan anggota tentera dari pasukan yang ditempatkan di Malaysia, termasuk dari United Kingdom, Australia, dan New Zealand, sekali gus memperlihatkan bahawa walaupun Malaysia tidak hadir secara rasmi, sumber dan prasarana di wilayahnya tetap memainkan peranan penting dalam pelaksanaan operasi ketenteraan SEATO (SEATO Annual Report, 1958–1959). Malah, dalam *Exercise Oceanlink*, kapal-kapal perang dari lima negara anggota SEATO beroperasi di perairan sekitar Asia Tenggara dengan sokongan logistik dari pangkalan-pangkalan di Malaysia (Defence White Paper, 1958). Dalam aspek latihan individu, Malaysia turut menyediakan kemudahan untuk latihan bersama serta menjadi lokasi pemilihan kadet dan pegawai tentera bagi latihan lanjutan di institusi pertahanan negara-negara SEATO. Pasukan keselamatan tempatan, seperti polis dan tentera darat, menerima latihan dari pakar-pakar pertahanan anggota SEATO, termasuk dari United Kingdom dan Australia. Sumber-sumber seperti laporan tahunan SEATO menyatakan bahawa bantuan teknikal dan latihan yang diterima oleh negara-negara Asia Tenggara, termasuk Malaysia, merupakan komponen penting dalam strategi membendung subversif Komunis (SEATO Secretariat, 1959).

Kedudukan Malaysia sebagai rakan strategik turut dijelaskan melalui kenyataan tokoh-tokoh politik British yang menganggap Malaysia sebagai “unsur penting dalam pelaksanaan strategi ketenteraan Komanwel dan SEATO di rantau ini” (Tory, 1957; Hunt, 1959). Meskipun Malaysia menolak keanggotaan rasmi, sikap pragmatik ini membolehkan negara menikmati perlindungan kolektif secara tidak langsung, di samping mengelakkan implikasi politik yang mungkin timbul sekiranya menyertai pakatan ketenteraan secara terbuka. Keadaan ini menunjukkan bahawa Malaysia mengambil pendekatan realistik dengan terlibat secara terhad, mengikut keperluan keselamatan dan keadaan politik serantau. Walaupun Malaysia sering menegaskan pendiriannya yang berkecuali, negara ini tetap menerima manfaat strategik daripada hubungan pertahanan dengan negara-negara SEATO, terutama ketika ancaman komunisme masih kuat di Asia Tenggara.

Pandangan dan Reaksi Negara-Negara Serantau terhadap Sikap Malaysia

Sikap Malaysia yang memilih untuk tidak menyertai SEATO secara rasmi, tetapi tetap menjalinkan kerjasama strategik dengan anggota pakatan tersebut, telah mengundang pelbagai reaksi daripada negara-negara serantau, khususnya dalam kalangan negara Asia yang mengamalkan dasar berkecuali. Pada peringkat serantau, pandangan negara jiran terhadap Malaysia banyak dipengaruhi oleh latar ideologi, pengalaman sejarah dan hubungan diplomatik yang sedang dibina selepas era penjajahan.

India di bawah kepimpinan Perdana Menteri Jawaharlal Nehru, merupakan antara suara paling lantang yang mengkritik penubuhan SEATO. Beliau menegaskan bahawa kewujudan pakatan seperti SEATO akan hanya menambah ketegangan dan mendorong perlumbaan senjata, malah menyifatkannya sebagai unsur yang menjejaskan kestabilan serantau (Commonwealth Relations

Office, 1957, MAL 29/5). Dalam konteks ini, pendekatan Malaysia yang enggan menyertai SEATO dilihat oleh India sebagai selari dengan semangat Pergerakan Negara-Negara Berkecuali yang sedang berkembang di Asia dan Afrika.

Begitu juga Indonesia, yang ketika itu di bawah pemerintahan Presiden Sukarno, memandang sinis sebarang bentuk penglibatan negara Asia Tenggara dalam pakatan ketenteraan yang diketuai oleh Barat. Lawatan diplomatik ke Kuala Lumpur yang diketuai Dr. Subandrio, Menteri Luar Negeri Indonesia (1957–1966) sempena kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu sebagai wakil utama Presiden Sukarno, dilaporkan cuba memujuk Malaysia agar tidak berpihak kepada mana-mana blok kuasa dan mengajak menyertai blok Afro-Asia. Tindakan Malaysia untuk mengekalkan hubungan pertahanan dengan British dan mengelakkan komitmen rasmi kepada SEATO dianggap bertentangan dengan semangat solidariti Asia, meskipun langkah tersebut diambil demi keselamatan nasional (Commonwealth Relations Office, 1957, MAL 29/5).

Di pihak lain, negara seperti Thailand dan Filipina yang merupakan anggota penuh SEATO, menyambut baik sebarang bentuk kerjasama tidak rasmi yang ditawarkan oleh Malaysia. Mereka menganggap Malaysia sebagai sekutu penting dalam membendung pengaruh Komunis, khususnya di Indo-China dan kawasan sempadan Thailand yang kerap menjadi sasaran gerakan subversif. Malah, terdapat usaha-usaha tidak rasmi daripada Thailand untuk memujuk Malaysia agar mempertimbangkan keanggotaan penuh SEATO selepas 1957, namun pendekatan ini dilakukan secara berhati-hati dan tidak terlalu menekan (Commonwealth Relations Office, 1957, MAL 29/5).

Pakistan pula, walaupun menyertai SEATO sebagai negara Asia, mengambil pendekatan yang lebih neutral dalam memberi reaksi terhadap pendirian Malaysia. Hubungan bilateral yang erat antara kedua-dua negara menggalakkan persefahaman berhubung keperluan Malaysia untuk menjaga sensitiviti politik domestik, terutamanya dalam kalangan parti pemerintah dan rakyat yang masih mengutamakan prinsip berkecuali (Defence Agreement Documents, 1957).

Ternyata, pendekatan Malaysia dalam menangani isu SEATO memperlihatkan kebijaksanaan diplomatik yang mengutamakan realiti politik domestik dan serantau. Malaysia berjaya mengekalkan hubungan mesra dengan pelbagai negara serantau tanpa meletakkan dirinya secara rasmi dalam mana-mana blok ketenteraan. Sikap ini memberikan ruang kepada Malaysia untuk mengimbangi antara keperluan keselamatan dan aspirasi solidariti Asia yang menolak dominasi kuasa besar.

Hubungan Malaysia–Amerika Syarikat dalam Konteks SEATO

Penyertaan British dalam SEATO menyebabkan Malaysia turut terlibat sebagai penyedia fasiliti ketenteraan untuk aktiviti negara tersebut di Asia Tenggara. Kedudukan yang strategik menyebabkan British dan Amerika Syarikat melihat Malaysia sebagai sekutu penting dalam mengekang pengaruh komunis di Asia Tenggara, khususnya dalam konteks Perang Vietnam dan ancaman komunisme yang semakin meluas pasca kekalahan Perancis di Indo-China (Office of Information, London, 1959). Hubungan strategik ini terus diperkukuh menerusi pelbagai bentuk bantuan ketenteraan, latihan, dan pertukaran maklumat perisikan.

Amerika Syarikat sejak awal penubuhan SEATO pada tahun 1954 menekankan kepentingan membentuk jaringan kerjasama keselamatan yang luas di Asia Tenggara bagi menyokong dasar *containment* terhadap pengaruh komunisme. Malaysia secara tidak langsung terlibat dalam kerangka keselamatan serantau berikutan kedudukannya yang strategik di Asia Tenggara serta hubungan pertahanannya dengan negara-negara Komanwel. Keterlibatan ini dapat dilihat melalui penyediaan kemudahan logistik dan penggunaan pangkalan tentera di Malaysia bagi menyokong latihan serta perancangan ketenteraan pasukan sekutu, termasuk Amerika Syarikat (National Archives of Australia, 1962). Penglibatan tersebut turut tercermin dalam latihan ketenteraan serantau yang dianjurkan di bawah kerangka keselamatan SEATO. Walaupun Malaysia tidak menyertai latihan tersebut secara rasmi, penggunaan pangkalan tentera udara dan kemudahan logistik di wilayahnya oleh pasukan British, Australia dan New Zealand menunjukkan bahawa negara ini memainkan peranan penting dalam menyokong operasi pertahanan serantau secara tidak langsung (National Archives of Australia, 1962).

Penglibatan secara langsung negara anggota SEATO di Malaysia adalah mempunyai kaitan langsung dengan Perjanjian Pertahanan 1957 membenarkan British dan negara Komanwel lain, untuk menggunakan kemudahan ketenteraan di Malaysia sekiranya terdapat ancaman terhadap keamanan serantau. Walaupun penggunaan ini tertakluk kepada persetujuan kerajaan Malaysia, persefahaman strategik yang wujud membolehkan kehadiran pasukan sokongan dan aset logistik dari negara Barat, termasuk Amerika Syarikat. Ketiadaan bantahan terbuka daripada Malaysia terhadap kehadiran unsur-unsur ini menunjukkan adanya bentuk konsensus senyap mengenai peranan Amerika Syarikat di rantau ini.

Dari perspektif diplomatik pula, Malaysia mengimbangi hubungan erat dengan Amerika Syarikat tanpa mengorbankan pendiriannya dalam mengekalkan hubungan baik dengan negara-negara bukan bersekutu seperti India dan Indonesia. Ketika Tunku Abdul Rahman menegaskan bahawa Malaysia tidak akan menyertai SEATO, beliau tetap menyatakan bahawa kerajaan menghargai sumbangan dan sokongan Amerika Syarikat terhadap kestabilan rantau ini (Tory, 1957). Kenyataan ini selari dengan pendirian Amerika yang mengakui kepentingan sokongan negara bukan anggota dalam menjayakan objektif SEATO, khususnya dalam membendung komunisme.

Tambahan pula, Amerika Syarikat sentiasa berhati-hati dalam pendekatannya terhadap Malaysia. Mereka mengelak tekanan secara terbuka untuk mendesak Malaysia menyertai SEATO, sebaliknya memilih untuk mengekalkan hubungan erat melalui saluran ekonomi, pendidikan dan keselamatan yang tidak mencetuskan sentimen anti-Barat dalam kalangan masyarakat Malaysia (Sodhy, 1987). Malahan, projek pembangunan dan bantuan teknikal anjuran British diteruskan melalui saluran seperti Rancangan Colombo yang turut disertai Malaysia secara aktif. Rancangan Colombo (Colombo Plan) ditubuhkan pada tahun 1951 sebagai program pembangunan serantau Asia Selatan dan Asia Tenggara. Malaysia mula menyertainya selepas kemerdekaan pada tahun 1957. Secara keseluruhannya, hubungan Malaysia–Amerika Syarikat dalam konteks SEATO merupakan satu bentuk kerjasama strategik tanpa keanggotaan rasmi tetapi melalui British. Malaysia mengambil manfaat daripada sokongan Amerika Syarikat tanpa perlu mengikat diri secara formal dalam pakatan yang boleh menjejaskan dasar luar berkecualinya. Sementara itu, Amerika Syarikat pula memanfaatkan Malaysia sebagai rakan strategik yang stabil dan boleh dipercayai dalam usaha mereka mempertahankan kepentingan Barat di Asia Tenggara.

NEUTRALISME TERHAD DAN CABARAN PERANG DINGIN (1963-1970)

Malaysia dalam Konteks Ketegangan Perang Dingin dan Vietnam (1960-an)

Menjelang tahun 1960-an, geopolitik Asia Tenggara semakin dipengaruhi oleh impak Perang Dingin antara kuasa Barat dan blok Komunis. Ketegangan ini semakin meruncing apabila Perang Vietnam meletus dan menjadi medan utama persaingan ideologi antara Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet. Malaysia yang baru mencapai kemerdekaan tidak terkecuali daripada menerima tempias konflik ini, baik dari segi keselamatan serantau mahupun tekanan diplomatik antarabangsa.

Malaysia kekal sebagai negara yang tidak menyertai SEATO secara rasmi, namun tetap berperanan aktif dalam menyokong matlamat sekutunya yang merupakan anggota SEATO, khususnya dalam menghadapi ancaman penyebaran komunisme di Asia Tenggara. Meskipun tidak terlibat secara langsung dalam Perang Vietnam, kedudukan strategik Malaysia dan hubungan eratnya dengan negara-negara Komanwel dan Amerika Syarikat menjadikan negara ini sebahagian daripada usaha besar mengekang pengaruh komunis di rantau tersebut (Sodhy, 1987).

Peranan tidak rasmi Malaysia dalam Perang Vietnam terserlah melalui sokongan logistik dan inteligen kepada pihak bersekutu. Pangkalan tentera di Malaysia, yang diwujudkan melalui Perjanjian Pertahanan 1957, digunakan oleh pasukan Komanwel dan sekutu SEATO sebagai pusat peralihan dan pengumpulan maklumat. Selain itu, hubungan pertahanan Malaysia dengan British, Australia dan New Zealand membolehkan kerjasama ketenteraan berterusan dalam bentuk latihan dan perkongsian risikan, terutamanya menerusi kerangka melalui pakatan Australia, New Zealand dan Malaysia (ANZAM) yang berperanan menyelaras pertahanan di kawasan Asia Tenggara (Commonwealth Relations Office, 1959). Malaysia ketika itu, di bawah kepimpinan Tunku Abdul Rahman, secara terbuka menolak sebarang penglibatan ketenteraan secara langsung dalam Perang Vietnam. Walau

bagaimanapun, Malaysia menyedari pentingnya kestabilan serantau untuk keselamatan dan pembangunan negara. Maka, sokongan tidak langsung yang diberikan adalah selaras dengan pendirian Malaysia yang mengutamakan prinsip berkecuali tetapi pragmatik terhadap realiti ancaman komunisme (Commonwealth Relations Office, 1957, MAL 29/5).

Daripada perspektif dalam negeri, konflik Vietnam dan pengaruh SEATO telah mencetuskan perdebatan politik dalam kalangan pemimpin khususnya generasi muda Malaysia. Terdapat kebimbangan bahawa sebarang keterlibatan secara terbuka dengan SEATO atau Perang Vietnam akan menjejaskan imej Malaysia sebagai negara bebas yang memperjuangkan prinsip berkecuali. Hal ini mendorong kerajaan untuk lebih berhati-hati dalam menyusun kenyataan rasmi dan dasar luar negara, dengan mengambil kira sentimen domestik dan realiti politik antarabangsa yang semakin kompleks (Sodhy, 1987). Secara keseluruhannya, dekad 1960-an menyaksikan Malaysia mengukuhkan kedudukannya sebagai negara berkecuali yang cermat dalam menangani tekanan geopolitik global. Meskipun tidak menyertai SEATO, negara ini terus memperkukuh kerjasama strategik dengan negara-negara anggota pakatan tersebut demi menjamin keselamatan wilayah dan memelihara kepentingan nasional dalam konteks Perang Dingin yang mencabar.

Isu Neutralisme dan Cabaran Dalaman terhadap Hubungan dengan SEATO

Dasar neutralisme telah menjadi antara pendekatan dominan dalam dasar luar Malaysia sejak penubuhannya sebagai negara merdeka. Walaupun negara ini mengekalkan hubungan strategik dengan kuasa-kuasa Barat menerusi Perjanjian Pertahanan 1957, namun komitmen terhadap pendekatan berkecuali tetap jelas dalam kenyataan-kenyataan rasmi pimpinan negara serta dalam reaksi terhadap pelbagai isu serantau. Dalam konteks SEATO, pendekatan neutralisme Malaysia tercermin daripada keengganan menyertai pakatan tersebut secara formal.

Tunku Abdul Rahman secara konsisten menolak untuk membawa Malaysia menyertai SEATO. Dalam kenyataan beliau sebelum merdeka, Tunku menyatakan bahawa soal penyertaan dalam pakatan seperti SEATO adalah perkara yang akan diputuskan oleh kerajaan merdeka kelak, dan bukan oleh pihak British (Commonwealth Relations Office, 1957, MAL 29/5). Selepas merdeka, walaupun beliau menunjukkan pemahaman terhadap kepentingan SEATO dalam menghalang pengaruh komunis di Asia Tenggara, beliau tetap menegaskan bahawa Malaysia tidak akan menjadi sebahagian daripada sebarang pakatan ketenteraan antarabangsa kerana bimbang akan menggugat hubungan diplomatik dengan negara-negara Asia lain yang bersifat neutral atau anti-Barat (Commonwealth Relations Office, 1957, MAL 30/11).

Penolakan ini tidak semata-mata bersifat peribadi atau strategik, tetapi turut didorong oleh realiti politik dalaman. Wujud kecenderungan neutralis dalam kalangan elit politik UMNO, terutamanya dari generasi muda yang menyuarakan keprihatinan terhadap keterikatan Malaysia dengan kuasa Barat. Sebagai contoh, dalam perbahasan di Majlis Perundangan Persekutuan pada tahun 1957, beberapa anggota muda UMNO mempersoalkan nilai strategik dan keperluan Perjanjian Pertahanan 1957 dan menyatakan kebimbangan terhadap penyertaan tidak langsung dalam agenda anti-komunis global yang digerakkan oleh Amerika Syarikat (Commonwealth Relations Office, 1957, MAL 29/5).

Selain itu, terdapat juga pengaruh dari suasana geopolitik serantau. Negara-negara seperti Indonesia dan Ceylon (Sri Lanka) secara terbuka memberi tekanan agar Malaysia tidak menyertai blok ketenteraan Barat. Perdana Menteri Ceylon, S.W.R.D. Bandaranaike, dan Menteri Luar Indonesia, Subandrio, menggesa Malaysia untuk menyertai blok Afro-Asia dan mengecam hubungan erat Kuala Lumpur–London yang dilihat mencerminkan kesinambungan kolonialisme (Tory, 1957).

Di peringkat masyarakat sivil, golongan mahasiswa turut memainkan peranan penting dalam memperdebatkan orientasi politik dan dasar luar negara menjelang kemerdekaan (Loh, 2011). Di Universiti Malaya, kumpulan pelajar seperti *University Socialist Club* melalui penerbitan mahasiswa *Fajar* secara terbuka mengkritik inisiatif ketenteraan Anglo-Amerika seperti pembentukan SEATO, yang dianggap sebagai manifestasi kesinambungan imperialisme Barat di Asia Tenggara. Dalam editorial "*Aggression in Asia*" yang diterbitkan pada tahun 1954, pemimpin mahasiswa seperti M. K. Rajakumar, Poh Soo Kai dan James Puthuchearry menegaskan bahawa rakyat Malaysia tidak seharusnya dikaitkan dengan agenda geopolitik kerajaan kolonial dan sebaliknya perlu mencari jalan politik yang lebih bebas dan berkecuali (Loh, 2011). Hal ini menggambarkan bahawa penolakan terhadap SEATO bukanlah

hanya keputusan elit semata-mata, tetapi disokong oleh segmen masyarakat yang prihatin terhadap implikasi strategik dan maruah negara baharu merdeka.

Keseluruhannya, Malaysia berada dalam kedudukan yang kompleks: di satu pihak, memerlukan jaminan keselamatan dalam menghadapi ancaman komunis, dan di pihak lain, perlu menjaga persepsi dan hubungan diplomatik serantau agar tidak dilihat sebagai alat kepada kuasa Barat. Pendekatan neutralisme ini akhirnya menjadi asas penting dalam pembentukan dasar luar Malaysia pasca-kemerdekaan dan menjadi landasan kepada prinsip ketiga Dasar Luar Malaysia iaitu untuk mengelakkan penglibatan dalam mana-mana pakatan ketenteraan asing secara formal (Abdullah, 2009; Milne & Mauzy, 1978). Reaksi Masyarakat awam di Malaysia ini jelas memperlihatkan kesedaran mereka terhadap perlunya Malaysia mengorak langkah ke arah pembinaan negara merdeka yang bebas daripada mana-mana pengaruh. Keadaan ini ditambah lagi dengan situasi serantau dan antarabangsa yang semakin meruncing berikutan persaingan ideologi komunis dan non-komunis yang membawa kepada Perang Dingin, malah menjadi perang terbuka seperti di Korea.

Hubungan Malaysia dengan Anggota SEATO dalam Konteks Perang Vietnam

Dalam era ketegangan Perang Dingin dan khususnya semasa tercetusnya Perang Vietnam, Malaysia walaupun bukan anggota rasmi SEATO, telah menjalinkan hubungan erat dengan beberapa negara anggota pakatan itu, khususnya Amerika Syarikat, Australia, dan New Zealand. Hubungan ini terjalin melalui jaringan strategik yang terbina hasil Perjanjian Pertahanan 1957 serta kerjasama dalam rangka Komanwel.

Malaysia tidak pernah terlibat secara langsung dalam operasi ketenteraan di Vietnam. Namun, dari segi sokongan tidak langsung, Malaysia memainkan peranan penting sebagai negara transit dan penghubung logistik yang menyumbang kepada operasi taktikal dan perisikan yang dilaksanakan oleh negara-negara SEATO (Sodhy, 1987). Misalnya, beberapa kemudahan di Semenanjung dan di Sabah digunakan sebagai lokasi pemindahan peralatan, pemantauan pergerakan tentera serta pusat latihan tidak rasmi yang diselenggarakan oleh pakar ketenteraan sekutu. Lebih signifikan, hubungan rapat antara Malaysia dan negara-negara seperti Australia dan New Zealand membolehkan pelaksanaan program pertukaran latihan tentera yang memberi manfaat kepada pasukan keselamatan Malaysia dalam aspek kemahiran dan kesiapsiagaan menghadapi ancaman subversif tempatan. Program ini juga membuka ruang kepada peningkatan keupayaan pertahanan dalaman Malaysia tanpa perlu terlibat secara langsung dalam konflik di Indochina (Commonwealth Relations Office, 1957, MAL 29/5).

Dari sudut politik luar, kerajaan Malaysia terus mengekalkan pendirian untuk tidak menyokong sebarang tindakan ketenteraan unilateral oleh kuasa besar di rantau ini. Kenyataan awam pemimpin Malaysia tetap konsisten dalam menggesa penyelesaian damai terhadap konflik di Vietnam, walaupun hubungan diplomatik dan ekonomi dengan Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya kekal akrab. Pendekatan ini menggambarkan strategi diplomatik Malaysia dalam mengekalkan hubungan dua hala dengan negara anggota SEATO, sambil mengekalkan pendirian berkecuali agar tidak dilihat berpihak dalam persaingan ideologi era Perang Dingin (Tory, 1957).

Malaysia turut menggunakan saluran ASEAN yang ditubuhkan pada 1967 sebagai medan alternatif untuk menyatakan pendirian serantau terhadap krisis di Vietnam. ASEAN menjadi platform untuk menyuarakan kepentingan kestabilan dan pembangunan rantau Asia Tenggara tanpa kehadiran ketenteraan asing yang berpanjangan. Malaysia menyokong penuh pendekatan ini dan menegaskan bahawa keamanan di rantau tersebut hanya boleh dicapai melalui penyelesaian politik yang disepakati oleh semua pihak berkepentingan (Mohd Noor Mat Yazid, 2015). Sumbangan Malaysia dalam Perang Vietnam tidak bersifat ketenteraan, namun kedudukannya sebagai negara yang strategik dalam geopolitik Asia Tenggara menjadikannya relevan dalam perancangan dan operasi keselamatan serantau yang dirangka oleh negara-negara SEATO. Seterusnya, kajian ini membincangkan penyesuaian dasar luar Malaysia selepas Perang Vietnam, khususnya berkaitan pembubaran SEATO dan kesinambungan kerjasama keselamatan serantau.

Pendekatan Berkecuali dan Peranan Penting Malaysia dalam Strategi Perang Dingin

Malaysia mengamalkan dasar luar yang bersifat neutralisme terhad sepanjang dekad-dekad awal pasca-kemerdekaan, khususnya dalam menghadapi persaingan dua blok besar semasa Perang

Dingin. Pendekatan ini menzahirkan pendirian Malaysia yang tidak mahu terikat secara langsung dengan pakatan ketenteraan seperti SEATO, tetapi dalam masa yang sama tidak bersifat anti-Barat mahupun pro-Komunis. Strategi ini muncul sebagai satu bentuk penyesuaian kepada realiti geopolitik rantau Asia Tenggara yang bergolak, serta mempertimbangkan keperluan domestik dan kedudukan politik serantau Malaysia (Mohd Reduan Abdullah, 2005).

Malaysia menyedari bahawa penglibatan langsung dalam mana-mana pakatan ketenteraan, khususnya SEATO yang dikaitkan dengan kuasa Barat, boleh mencetuskan kecurigaan dalam kalangan negara-negara Asia lain, terutama yang cenderung kepada gerakan berkecuali atau anti-imperialis. Oleh itu, pendekatan berhati-hati terhadap isu penyertaan dalam SEATO mula terbentuk sejak sebelum kemerdekaan lagi, apabila Tunku Abdul Rahman menegaskan bahawa soal penyertaan Persekutuan Tanah Melayu dalam pertubuhan tersebut hanya boleh dipertimbangkan selepas kemerdekaan dicapai dan perlu diberi pertimbangan yang teliti (Roth, 1956). Pendekatan ini akhirnya menjadi asas kepada dasar luar Malaysia yang pragmatik dan berwaspada, apabila kerajaan memilih untuk tidak menyertai SEATO secara rasmi walaupun terus mengekalkan pendirian anti-komunis dan hubungan pertahanan dengan British.

Malaysia membina kerjasama pertahanan melalui perjanjian bilateral seperti Perjanjian Pertahanan 1957 dengan United Kingdom, yang kemudian membolehkan penglibatan tidak langsung dalam strategi keselamatan serantau bersama negara-negara Komanwel dan anggota SEATO yang lain (Tory, 1957). Pendekatan ini membolehkan Malaysia mengekalkan dasar berkecuali secara formal, namun pada masa yang sama memanfaatkan perlindungan dan kehadiran ketenteraan negara-negara sekutu dalam mengimbangi ancaman komunisme. Kepentingan strategik Malaysia dalam kerangka Perang Dingin juga diserlahkan melalui kedudukan geografinya yang kritikal. Terletak di tengah-tengah laluan perdagangan utama dan berhampiran negara-negara yang terdedah kepada konflik seperti Vietnam, Laos dan Kemboja, Malaysia menjadi lokasi penting dalam strategi pertahanan Barat di Asia Tenggara. Justeru itu, pendekatan neutralisme terhad bukan sahaja sesuai dengan keperluan diplomasi serantau, tetapi juga strategi nasional untuk mengekalkan kestabilan dan keselamatan dalam negara tanpa perlu menanggung kos politik penyertaan rasmi dalam pakatan seperti SEATO (Sodhy, 1987).

Dasar ini turut mencerminkan keupayaan kepimpinan Malaysia pada era awal kemerdekaan dalam mengimbangi tekanan kuasa-kuasa besar dan aspirasi nasional. Sambil menjamin kestabilan domestik, Malaysia juga berjaya memainkan peranan aktif dalam arena antarabangsa sebagai negara yang mengekalkan kebebasan dasar luar, namun masih terlibat dalam usaha mengekang penyebaran komunisme di rantau ini secara kolektif bersama negara-negara sahabat (Hunt, 1959).

PENGARUH SEATO DAN EVOLUSI DASAR KESELAMATAN MALAYSIA (1970-1977)

Pengaruh SEATO terhadap Dasar Pertahanan dan Keselamatan Malaysia

SEATO tetap memberi kesan tidak langsung terhadap pembentukan dasar pertahanan dan keselamatan negara, khususnya dalam tempoh awal pasca-kemerdekaan. SEATO telah menjadi satu rangka kerja keselamatan serantau yang membentuk suasana strategik di Asia Tenggara. Oleh itu, Malaysia, sebagai sebuah negara baru merdeka yang terletak di tengah-tengah zon geopolitik tersebut, tidak dapat mengelak daripada menyesuaikan diri dengan realiti serantau yang dibentuk oleh kehadiran SEATO (Commonwealth Relations Office, 1957).

Salah satu kesan penting kehadiran SEATO terhadap Malaysia dapat dilihat dalam aspek pembangunan keupayaan pertahanan negara. Dalam menghadapi ancaman komunis dan ketidakpastian keselamatan serantau, Malaysia perlu membentuk angkatan keselamatan yang lebih tersusun, cekap dan terlatih. Dalam konteks ini, hubungan pertahanan dengan United Kingdom, Australia dan New Zealand telah membuka ruang kepada pemindahan kepakaran ketenteraan, latihan bersama, serta sokongan logistik yang membantu memperkukuh kapasiti pertahanan Malaysia. Walaupun Malaysia tidak terikat secara rasmi kepada SEATO, negara tetap memperoleh manfaat praktikal daripada jaringan pertahanan serantau yang disokong oleh negara-negara anggota pakatan

tersebut, khususnya dalam aspek latihan, perancangan dan pembangunan keupayaan operasi pertahanan (National Archives of Australia, 1961).

Di samping itu, dari sudut polisi keselamatan, Malaysia mula mengadaptasi pendekatan pertahanan berasaskan kerjasama pelbagai hala. Walaupun Malaysia berpegang kepada prinsip tidak bersekutu secara rasmi, hubungan erat dengan negara-negara SEATO menggalakkan pemikiran strategik yang berorientasikan kolektif. Perjanjian Pertahanan 1957 dengan British misalnya, merupakan refleksi langsung kepada pendekatan kolektif tanpa perlu menjadi anggota formal SEATO, tetapi tetap berupaya memberi sumbangan dalam menangani ancaman serantau (Macmillan, 1957; Tory, 1957).

Selain itu, konsep *forward defence* yang diamalkan oleh Australia, turut dipengaruhi oleh kehadiran SEATO di rantau ini. Malaysia menyedari bahawa keselamatan negara tidak dapat dipisahkan daripada kestabilan rantau secara keseluruhan. Justeru itu, dalam beberapa hal, Malaysia membenarkan penggunaan kemudahan ketenteraan oleh pasukan negara anggota SEATO untuk latihan atau operasi yang relevan dengan keselamatan Asia Tenggara, seperti dalam kes penyediaan logistik bagi Perang Vietnam (Sodhy, 1987). Dari sudut dasar awam, Malaysia juga sangat berhati-hati dalam menyatakan pendirian berkaitan SEATO secara terbuka. Walaupun kerajaan bersetuju dengan objektif SEATO untuk mengekang penyebaran komunisme, retorik rasmi Malaysia lebih menumpukan kepada kepentingan keamanan, pembangunan dan kerjasama serantau yang tidak memihak kepada mana-mana blok kuasa besar. Pendekatan ini dilihat sebagai strategi bijak untuk memastikan kelangsungan hubungan dengan negara-negara Asia lain yang menolak pakatan ketenteraan barat, seperti Indonesia dan India, di samping mengekalkan hubungan erat dengan negara-negara barat.

Secara keseluruhannya, SEATO telah memberikan pengaruh terhadap struktur dan institusi terhadap pembentukan dasar pertahanan Malaysia walaupun tanpa keanggotaan rasmi. Malaysia menyesuaikan strategi keselamatannya dengan mengambil kira kehadiran SEATO dan jaringan sekutu barat yang beroperasi di rantau ini, sambil mengekalkan kedudukan luar negeri yang bebas dan pragmatik.

Peranan Malaysia dalam Menangani Ancaman Komunis melalui SEATO secara Tidak Langsung

Malaysia memainkan peranan tidak langsung tetapi signifikan dalam menyokong objektif strategik SEATO, khususnya dalam konteks usaha membendung penguasaan sayap komunis di Laos, Vietnam dan Thailand. Peranan ini dilaksanakan melalui sokongan diplomatik, penyediaan kemudahan logistik dan kerjasama ketenteraan yang berlandaskan Perjanjian Pertahanan 1957 (Tory, 1957; Commonwealth Relations Office, 1957)

Sokongan logistik Malaysia terhadap operasi ketenteraan yang berkaitan dengan Vietnam turut menunjukkan tahap keterlibatan strategik yang penting. Misalnya, pangkalan udara di Butterworth, yang digunakan oleh pasukan Australia dan British, telah menjadi lokasi penting bagi latihan dan transit logistik berkaitan operasi yang diselenggarakan oleh SEATO, meskipun kerajaan Malaysia mengekalkan dasar tidak terikat secara langsung (Sodhy, 1987).

Penglibatan ini turut berasaskan penilaian bahawa ancaman komunisme di Asia Tenggara tidak boleh dilihat secara terpisah daripada perkembangan keselamatan serantau. Walaupun Malaysia tidak menjadi sasaran langsung seperti negara-negara di Indochina, kedudukannya yang strategik menyebabkan sebarang perubahan dalamimbangan kuasa rantau ini tetap memberi implikasi terhadap keselamatan negara. Oleh itu, melalui kerjasama perisikan, latihan ketenteraan dan penyelarasan pertahanan dengan negara-negara Komanwel, Malaysia memainkan peranan penting dalam usaha serantau mengekang peluasan pengaruh komunis. Dalam dokumen perancangan pertahanan Australia dan Komanwel, keselamatan Malaysia dinilai sebagai sebahagian daripada pertimbangan strategik yang lebih luas di Asia Tenggara, termasuk dalam hubungannya dengan pelan pertahanan yang berkait dengan SEATO (National Archives of Australia, 1961; National Archives of Australia, 1962). Keadaan ini menunjukkan bahawa walaupun Malaysia bukan anggota rasmi SEATO, negara tersebut tetap dianggap mempunyai kepentingan strategik yang signifikan dalam struktur keselamatan serantau, dan oleh itu pendekatan pertahanan yang melibatkan Malaysia sentiasa mengambil kira sensitiviti politik tempatan serta pendirian berkecuali kerajaan Malaysia.

Lebih penting lagi, dasar luar Malaysia yang menyokong kestabilan serantau, tanpa mengorbankan hubungan baik dengan negara-negara bukan SEATO, telah meletakkan negara ini sebagai jambatan antara dunia Barat dan negara di rantau ini. Pendekatan ini memberi Malaysia kelebihan diplomatik dalam memainkan peranan konstruktif, baik dalam mengekang komunisme mahupun memelihara hubungan serantau yang seimbang (*Singapore Standard*, 1959). Secara keseluruhan, meskipun tidak bergabung secara rasmi, Malaysia tetap menjadi sebahagian daripada mekanisme keselamatan serantau yang bertujuan menentang komunisme, melalui sumbangan strategik dan sokongan diplomatik yang realistik serta bersesuaian dengan keperluan dan pendirian negara pasca-kemerdekaan.

Keterlibatan Malaysia dalam Struktur Tidak Langsung SEATO

Keterlibatan negara ini dalam aktiviti-aktiviti berkaitan pertubuhan SEATO tetap berlangsung secara aktif dan tersirat. Keterlibatan ini berlaku melalui penyertaan dalam struktur kerjasama tidak formal yang digerakkan oleh ahli-ahli SEATO, khususnya menerusi Perjanjian Pertahanan 1957 antara Malaysia dengan United Kingdom, Australia dan New Zealand. Perjanjian ini memberikan justifikasi dan landasan undang-undang kepada kehadiran pasukan-pasukan tentera Komanwel di Malaysia, yang pada hakikatnya merupakan sebahagian daripada jentera pertahanan kolektif rantau Asia Tenggara yang dikaitkan dengan SEATO (Tory, 1957; Hunt, 1959).

Selain itu, penubuhan *Commonwealth Strategic Reserve* (CSR) dan pemusatannya di Malaysia memperlihatkan sejauh mana negara tersebut terlibat secara tidak langsung dalam struktur pertahanan yang selari dengan objektif SEATO. CSR yang dibentuk pada pertengahan 1950-an melibatkan penyertaan pasukan dari British, Australia dan New Zealand yang ditempatkan secara tetap di Malaysia dan Singapura sebagai pasukan simpanan strategik Komanwel bagi menghadapi sebarang krisis di Asia Tenggara (National Archives of Australia, 1957). Walaupun pasukan ini secara rasmi bertujuan mempertahankan Malaysia, ia juga menyokong strategi serantau yang berkait rapat dengan perancangan SEATO, termasuk kemungkinan operasi di Indochina (National Archives of Australia, 1958). Dalam kerangka yang lebih luas, kewujudan CSR turut berkait rapat dengan perancangan keselamatan serantau yang dibangunkan oleh kuasa Barat melalui rangkaian kerjasama pertahanan seperti ANZAM dan SEATO. Operasi CSR diselaraskan dengan strategi pertahanan serantau yang lebih besar. Hal ini termasuk kemungkinan penggunaan pasukan Komanwel yang berpangkalan di Malaysia untuk menyokong operasi ketenteraan di kawasan konflik Asia Tenggara seperti Thailand, Laos dan Vietnam sekiranya keadaan memerlukan (National Archives of Australia, 1958). Dalam konteks ini, CSR berfungsi sebagai satu "*force in being*", iaitu pasukan yang sentiasa bersedia digerakkan bagi memastikan keseimbangan kuasa dan kestabilan strategik di rantau tersebut.

Penglibatan ini turut didukung oleh pendekatan pragmatik Malaysia yang memahami keperluan strategik untuk bekerjasama dengan kuasa besar tanpa terikat kepada perjanjian multilateral secara formal. Tunku Abdul Rahman sendiri dalam pelbagai kenyataan menegaskan pentingnya mempertahankan kedaulatan dan kebebasan dasar luar Malaysia, namun pada masa sama tidak menolak kepentingan kerjasama pertahanan dalam menghadapi ancaman komunis di rantau ini (Commonwealth Relations Office, 1957).

Dalam aspek lain, penubuhan unit-unit latihan bersama, seperti SEATO *Military Planning Office* dan penyertaan anggota tentera Malaysia dalam latihan bersama di bawah bimbingan pakar dari negara-negara SEATO, turut memperlihatkan bentuk penyertaan tidak rasmi ini. Meskipun tidak tercatat secara rasmi sebagai anggota, komitmen Malaysia terhadap kestabilan rantau telah membawa kepada hubungan kerja yang erat, seperti kerjasama risikan, perkongsian maklumat keselamatan dan program latihan balas subversif yang dijalankan di bawah panji SEATO (SEATO Report, 1959; Sodhy, 1987). Oleh itu, walaupun Malaysia tidak secara rasmi menyertai SEATO, keterlibatannya dalam struktur dan inisiatif yang dipelopori oleh pertubuhan tersebut sangat ketara. Bentuk penglibatan ini membolehkan Malaysia mengekalkan pendekatan berkecuali dan tidak terikat pada pakatan kuasa besar, namun tetap memperolehi manfaat daripada kerjasama ketenteraan dan keselamatan serantau yang diselaraskan oleh SEATO. Pendekatan ini mencerminkan kebijaksanaan diplomatik Malaysia dalam mengekalkan keseimbangan antara keselamatan dalaman dan kedaulatan dasar luar dalam konteks Perang Dingin di Asia Tenggara.

Transformasi Dasar Luar Malaysia Pasca 1963

Penubuhan Malaysia pada tahun 1963 merupakan titik perubahan dalam orientasi strategik negara yang sebelum ini diasaskan oleh Malaysia. Perkembangan ini telah memperluas skop tanggungjawab keselamatan negara, terutamanya setelah kemasukan Sabah dan Sarawak yang bersempadan langsung dengan wilayah konflik, sekali gus meletakkan Malaysia dalam kedudukan geopolitik yang lebih terdedah.

Dalam tempoh Konfrontasi Indonesia-Malaysia (1963–1966), ancaman ketenteraan secara langsung daripada Jakarta memperlihatkan keperluan mendesak bagi Malaysia untuk menjalin pakatan keselamatan yang lebih erat dengan kuasa-kuasa Barat dan negara-negara Komanwel, termasuk anggota SEATO. Walaupun Malaysia mengekalkan dasar tidak bersekutu secara formal, pemimpin negara seperti Tunku Abdul Rahman mula memberi lebih ruang kepada bentuk kerjasama pertahanan bersifat pragmatik demi menjamin keselamatan wilayah (Commonwealth Relations Office, 1957, MAL 29/5). Sepanjang tempoh ini, peranan Malaysia dalam menyokong operasi pasukan sekutu yang terlibat dalam jaringan SEATO meningkat, terutamanya dari segi logistik dan penyediaan kemudahan latihan. Walau bagaimanapun, penyertaan ini tetap diselubungi dengan pendekatan diplomatik yang berhati-hati. Dokumen sulit menunjukkan kesepakatan untuk mengelakkan sebarang rujukan terbuka terhadap SEATO dalam konteks latihan ketenteraan yang dijalankan dari pangkalan Malaysia, khususnya bagi mengekalkan sensitiviti domestik dan mengelakkan persepsi penyertaan dalam pakatan anti-Komunis secara terang-terangan (JP(59)66(A), 1959).

Keengganan Malaysia untuk menyertai SEATO secara rasmi turut disokong oleh pertimbangan politik dalaman. Sebahagian pemimpin muda dalam UMNO memperlihatkan kecenderungan kepada neutralisme sebagai sebahagian daripada naratif kemerdekaan dan maruah nasional. Walaupun kerajaan persekutuan ketika itu tetap mempertahankan hubungan erat dengan kuasa Barat, sokongan terbuka kepada mana-mana pakatan tentera asing dikhuatiri akan mencetuskan penolakan dalam kalangan rakyat, terutama pasca pilihan raya umum 1959 (Commonwealth Relations Office, 1957, MAL 29/5). Krisis ini secara tidak langsung menekankan perlunya pendekatan serantau yang tidak terikat kepada pengaruh kuasa besar. Justeru, Malaysia bersama Indonesia, Filipina, Thailand dan Singapura mengambil langkah menubuhkan Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (The Association of Southeast Asian Nations, ASEAN) pada 8 Ogos 1967 dengan objektif memperkukuh kerjasama serantau atas dasar kesepakatan dan bukan perikatan ketenteraan. Penubuhan ASEAN mencerminkan anjakan paradigma dalam dasar luar Malaysia dari keterikatan dengan perjanjian dua hala kepada bentuk kerjasama multilateral serantau yang lebih seimbang dan berasaskan kepercayaan bersama (Mohd Noor Mat Yazid, 2015).

Pembubaran SEATO dan Implikasi kepada Malaysia (1977)

SEATO secara rasmi dibubarkan pada 30 Jun 1977, selepas keputusan yang dibuat oleh ahli-ahlinya pada tahun 1976 untuk menamatkan operasi aktif pertubuhan tersebut. Pembubaran ini berlaku dalam suasana geopolitik yang semakin berubah, khususnya selepas berakhirnya Perang Vietnam dengan kemenangan pihak Komunis di Saigon pada 30 April 1975. Amerika Syarikat sebagai pendukung utama SEATO telah mengurangkan penglibatan ketenteraan langsungnya di Asia Tenggara, manakala negara-negara anggota lain juga semakin skeptikal terhadap keberkesanan SEATO sebagai payung keselamatan serantau (Sodhy, 1987).

Malaysia menerima berita pembubaran SEATO dengan pendirian yang berhati-hati tetapi realistik. Oleh kerana Malaysia tidak pernah menjadi anggota rasmi pertubuhan tersebut, kesan langsung terhadap dasar luar dan keselamatan negara adalah minimum. Namun, dari sudut strategik, pembubaran SEATO menandakan berakhirnya satu era kerjasama keselamatan berasaskan pakatan Barat yang telah menjadi sandaran tidak rasmi kepada beberapa aspek keselamatan rantau ini sejak dekad 1950-an (Hunt, 1959).

Bagi Malaysia, pengakhiran SEATO memperkukuh keperluan untuk membina kerangka keselamatan serantau yang berpaksikan negara-negara Asia Tenggara sendiri. Penubuhan ASEAN pada 1967 telah menjadi langkah awal ke arah ini, dan pembubaran SEATO memberikan justifikasi tambahan kepada pentingnya pendekatan kerjasama serantau tanpa campur tangan terus kuasa luar. ASEAN kemudian mengambil alih peranan dalam menjamin kestabilan dan keselamatan serantau,

selari dengan aspirasi Malaysia untuk mengurangkan kebergantungan kepada pakatan ketenteraan asing (Mohd Noor Mat Yazid, 2015).

Walaupun demikian, pengalaman Malaysia dalam hubungan tidak rasmi dengan SEATO telah memberikan banyak pelajaran penting dalam pengurusan diplomasi pertahanan. Pendekatan pragmatik dan berkecuali terhad yang diamalkan sepanjang hubungan dengan SEATO menjadi asas kepada pembentukan dasar luar negara yang seimbang antara kepentingan keselamatan dan prinsip kedaulatan nasional. Ini sekali gus mempersiapkan Malaysia untuk berperanan lebih aktif dalam kerangka kerjasama serantau pasca-1976, khususnya dalam menjayakan inisiatif keselamatan dan pembangunan melalui ASEAN.

KESIMPULAN

Kajian ini mendapati bahawa pembentukan dan peranan SEATO perlu difahami dalam konteks geopolitik Asia Tenggara semasa Perang Dingin, khususnya kebimbangan kuasa Barat terhadap penyebaran komunis di rantau ini. Penubuhan SEATO pada tahun 1954 telah membentuk persekitaran keselamatan serantau yang secara langsung mempengaruhi pertimbangan dasar keselamatan awal Persekutuan Tanah Melayu menjelang kemerdekaan. Faktor ancaman keselamatan serantau, termasuk konflik Indochina dan perkembangan awal Perang Vietnam, menjadi asas penting kepada pendekatan berhati-hati Malaysia dalam menilai penglibatan terhadap pakatan ketenteraan yang dipelopori Barat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendirian diplomatik Malaysia terhadap SEATO dicirikan oleh kerjasama pertahanan secara tidak langsung, khususnya melalui Perjanjian AMDA dan rangkaian kerjasama Komanwel. Walaupun tidak menjadi ahli rasmi SEATO, Malaysia berjaya memanfaatkan hubungan pertahanan sedia ada dengan British bagi menjamin keselamatan negara tanpa perlu terikat kepada komitmen ketenteraan formal. Pendekatan ini mencerminkan strategi diplomatik Malaysia yang pragmatik dan realistik dalam mengimbangi keperluan keselamatan dengan sensitiviti politik domestik dan serantau. Seterusnya kajian ini menilai bahawa pendekatan neutralisme terhad yang diamalkan oleh Malaysia merupakan strategi yang relatif berkesan dalam menghadapi tekanan Perang Dingin dan konflik Vietnam. Malaysia mengekalkan hubungan baik dengan kuasa Barat sambil mengelakkan penglibatan langsung dalam konflik bersenjata dan pertentangan ideologi yang lebih luas. Pendekatan ini membolehkan Malaysia mengekalkan kestabilan politik dalaman serta memperkukuh imejnya sebagai negara sederhana yang menyokong keamanan dan tidak campur tangan dalam urusan dalaman negara lain. Pembubaran SEATO pada tahun 1977 menandakan perubahan signifikan dalam landskap keselamatan serantau dan memberi kesan langsung terhadap evolusi dasar pertahanan Malaysia. Ketiadaan SEATO mempercepatkan peralihan Malaysia ke arah kerjasama keselamatan serantau yang lebih inklusif, khususnya melalui ASEAN selepas tahun 1967. Peralihan ini mencerminkan kematangan dasar luar dan pertahanan Malaysia yang semakin menekankan diplomasi pelbagai hala, kerjasama serantau dan penyelesaian konflik secara aman sebagai asas kestabilan jangka panjang. Secara keseluruhannya, hubungan Malaysia dengan SEATO dari tahun 1957 hingga tahun 1977 menunjukkan kebijaksanaan diplomatik Malaysia dalam mengimbangi tekanan kuasa besar era perang dingin. Kajian ini membuktikan bahawa dasar luar Malaysia berkembang daripada bentuk kerjasama terhad kepada neutralisme yang matang, seterusnya membentuk asas kepada strategi keselamatan serantau yang lebih kukuh melalui ASEAN selepas pembubaran SEATO. Oleh itu, analisis ini bukan sahaja melengkapkan historiografi dasar luar Malaysia, malah memperkayakan wacana tentang peranan negara kecil dalam sistem antarabangsa yang kompleks.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan kerjasama sepanjang pelaksanaan kajian ini, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Segala bantuan dan kemudahan yang diberikan telah menyumbang secara signifikan terhadap kejayaan penyelidikan ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada konflik kepentingan dalam kajian ini.

SUMBANGAN PENULIS

Dayang Tania binti Abg Hipni: Konseptualisasi, Metodologi, Perisian, Kurasi Data, Penulisan – Draf Asal, Visualisasi, Penyiasatan.

Ahmad Zainudin bin Husin: Konseptualisasi, Metodologi, Kurasi Data, Penyeliaan, Perisian, Pengesahan, Penulisan – Semakan dan Penyuntingan.

KETERSEDIAAN DATA DAN BAHAN

Data kajian boleh diperolehi daripada penulis atas permintaan yang munasabah.

DEKLARASI GENERATIF AI

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada generatif AI digunakan dalam penulisan manuskrip ini.

PERNYATAAN ETIKA

Tidak berkenaan

RUJUKAN

- Abdullah, M. R. (2009). *Malaysia dan dasar luar berkecuali: Imbangan kuasa dan cabaran globalisasi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anwar, Z. (1987). *Malaysia's foreign policy under Mahathir*. Singapore: Regional Strategic Studies Programme.
- ASEAN Secretariat. (2002). *History of ASEAN*. ASEAN Secretariat.
- Australian Army Research Centre. (2020). *Rifle Company Butterworth 1970–2020: Origins, role and future possibilities* (Vol. 16, No. 2). Australian Army Research Centre.
- Central Office of Information. (1959). *The South-East Asia Treaty Organisation (SEATO)* (Reference Paper No. R.4122).
- Chua, D. W. B. (2017). America's role in the Five Power Defence Arrangements: Anglo-American power transition in South-East Asia, 1967–1971. *The International History Review*, 39(4), 615–637.
- Commonwealth Relations Office. (1957). *Confidential correspondence: Malaya and defence* (DO 169/496). The National Archives.
- Commonwealth Relations Office. (1957). *Correspondence and defence agreement with Federation of Malaya*. The National Archives.
- Commonwealth Relations Office. (1957). *Federal Legislative Council proceedings* (MAL 29/5). The National Archives.
- Commonwealth Relations Office. (1959). *Further communications on Commonwealth defence strategies in Southeast Asia*. The National Archives.
- Commonwealth Relations Office. (1959). *Memoranda on Malaya defence agreement and SEATO strategy* (MAL 29/5). The National Archives.
- Commonwealth Relations Office. (1959). *Defence agreement* (MAL.100/1). The National Archives.
- Ghoshal, B. (2020). Revisiting Southeast Asia and the Cold War. *Asian Journal of International Affairs*, 18(2), 45–66.
- Government of India. (1961). *Jawaharlal Nehru: Speeches on foreign policy 1946–1961*. Publication Division.
- Hunt, D. (1959). *SEATO and Malaya: Official memoirs*. Foreign and Commonwealth Office Records.
- Husin, A. Z. (2016). Dasar British di Asia Tenggara dan kesannya terhadap Malaysia 1968–1975. *Jurnal Perspektif*, 8(1), 85–95.
- Jeshurun, C. (2008). *Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj*. Institute of Diplomacy and Foreign Relations.

- Loh, K. S. (2011). *The University Socialist Club and the contest for Malaya: Tangled strands of modernity*. Amsterdam University Press.
- Macmillan, H. (1957). *British regional policy memoranda on Southeast Asian security*. Public Records Office.
- Means, G. P. (1970). *Malaysian politics*. Hodder and Stoughton.
- Milne, R. S., & Mauzy, D. K. (1978). *Politics and government in Malaysia*. University of British Columbia Press.
- Milne, R. S., & Mauzy, D. K. (1999). *Malaysia: Tradition, modernity, and transformation*. Westview Press.
- Ministry of Defence. (1958). *Report on defence: Britain's contribution to peace and security* (Cmnd. 363). HMSO.
- Mohamed Yazid, M. S. (2025). 'For the common good of all': Global decolonization and the Malaysian initiative for a Muslim Commonwealth, 1961–69. *Journal of Global History*. Advance online publication. <https://doi.org/10.1017/S1740022825100168>
- Mohd Hed, N. (2023). Analysis of Malaysia-India diplomatic relations from the era of Tunku Abdul Rahman to the era of Najib Tun Razak. *Asian People Journal*, 6(2), 60–72. <https://doi.org/10.37231/apj.2023.6.2.484>
- Mohd Noor Mat Yazid. (2015). ASEAN dan ketahanan serantau: Sejarah dan cabaran. *Jurnal Hubungan Antarabangsa*, 9(1), 23–41.
- Mohd Noor Mat Yazid. (2015). *ASEAN dan Neutralisme Serantau: Dinamika dan Strategi*. USM Press.
- Mohd Reduan Abdullah. (2005). *Dasar Luar Malaysia era Tunku Abdul Rahman*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- National Archives of Australia. (1957). *Malayan defence agreement – Future of the Commonwealth Strategic Reserve* (Series A2031, File 84/1957).
- National Archives of Australia. (1958). *Malayan area defence plan – Division of responsibility United Kingdom, Malaya and Singapore* (Series A1209, File 1958/5089).
- National Archives of Australia. (1961). *Australia, New Zealand and Malaya defence, 1961* (Series A2031, File 111961).
- National Archives of Australia. (1962). *Implications on the defence of Malaya on the removal of forces declared to SEATO plans 4 and 6* (Series A8447, File 51/1962).
- National Archives of Australia. (1962). *Logistical and military training support for Malaya* (Series A1838, File 682/7, Part 1).
- Roth, A. (1956, January 26). SEATO after freedom. *Singapore Standard*.
- SEATO Council. (1955–1959). *Annual reports*. SEATO Secretariat.
- SEATO Secretariat. (1958–1959). *Annual report*. SEATO Secretariat.
- Singapore Standard*. (1959, January 6). *S-E Asia unity*.
- Sodhy, P. (1987). The Malaysian connection in the Vietnam War. *Contemporary Southeast Asia*, 9(1), 38–53.
- Tarling, N. (2005). *SEATO: The failure of an alliance strategy*. Marshall Cavendish.
- The National Archives. (1959). *JP(59)66(A): Participation of Commonwealth forces in SEATO activities* (Cabinet Papers).
- Tory, G. W. (1957, December 30). *Federation of Malaya: Review of events since Independence* (Despatch No. 8). Office of the High Commissioner for the United Kingdom.
- UK Parliament. (1954). *Hansard parliamentary debates* (17 May & 8 November). Her Majesty's Stationery Office.
- United Kingdom High Commissioner. (1957). *Malayan defence papers and notes of agreement*. Public Records Office.